# KETERANGAN MENGENAI
# MAJLIS KONVOKESYEN KE-44 TAHUN 2022 (PRASISWAZAH)
# UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

## 1. Maklumat Majlis Konvokesyen UPM Ke-44 Tahun 2022

**Tarikh :** **8 hingga 13 Januari 2022**

**Tempat :** Pusat Kebudayaan dan Kesenian
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah(PKKSSAAS), UPM

**Hari/Sesi:** Sabtu, Ahad, Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis (6 hari/6 sesi)

## 2. Susunan Graduan Mengikut Program dan Sesi: Lampiran 1

## 3. Kehadiran Graduan

3.1 Sebagaimana termaktub dalam Acara Konvokesyen UPM, Ijazah dan Diploma hendaklah biasanya dikurniakan hanya kepada graduan yang hadir pada sesuatu Konvokesyen dengan syarat bahawa Senat, boleh dalam keadaan luar biasa, memutuskan supaya sesuatu Ijazah atau Diploma dikurniakan tanpa hadir.

3.2 Graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditentukan **mengikut sesi yang ditetapkan**.

3.3 Graduan **tidak dibenarkan** menangguhkan Majlis Konvokesyen ataupun **mewakilkan kepada orang lain** bagi menghadiri Majlis Konvokesyen.

## 4. Yuran Graduan

4.1 Yuran graduan sebanyak **RM200.00** (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja) adalah diwajibkan kepada semua graduan (sepenuh masa/separuh masa, PJJ/eksekutif) sama ada graduan akan menghadiri Majlis Konvokesyen atau sebaliknya.

4.2 Yuran hendaklah dijelaskan **selewat-lewatnya dua (2) hari** bekerja **sebelum mengemaskini maklumat di e-SMP (My Konvokesyen)** melalui salah satu kaedah berikut:

a. JomPAY (selain daripada pemegang akaun CIMB Bank)
b. CIMB Clicks (pemegang akaun CIMB Bank sahaja)

| Saluran Bayaran | Langkah |
|---|---|
| a. Perbankan Internet- **JomPAY** (selain daripada pemegang akaun CIMB Bank) | Bayaran boleh dibuat menggunakan internet banking dari semua bank yang mempunyai kemudahan JomPAY.<br><br>➢ Pilih modul *Bill Payment*<br>➢ Klik butang **JomPAY**<br>➢ Pilih akaun pembayar samada akaun simpanan atau akaun kad kredit anda<br>➢ **Biller Code : 8441**<br>➢ **Ref 1 : No matrik (Wajib)**<br>➢ **Ref 2 : No Kad Pengenalan**<br>➢ Teruskan ke proses selanjutnya (Tac/OTP) & pengesahan<br>➢ Sila **input no transaksi JomPAY** ke dalam sistem e-SMP (My Konvokesyen) sebagai bukti bayaran(8 digit. Cth: 4HTY245W). |
| b. Perbankan Internet **CIMB Clicks** (pemegang akaun CIMB Bank sahaja) | Bagi pemegang akaun CIMB (samada pelajar/ahli keluarga) yang membuat bayaran:<br>➢ Layari https://www.cimbclicks.com.my/<br>➢ Pilih modul Pay & Transfer<br>➢ Klik butang Pay Bills<br>➢ Enter Biller Name : Taip **UPM**<br>➢ Pilih : **Universiti Putra Malaysia Kampus Serdang**<br>➢ **Masukkan no matrik, No Kad Pengenalan dan jumlah RM200**<br>➢ Teruskan ke proses selanjutnya (Tac/OTP) & pengesahan<br>Sila input no transaksi yang berjaya ke dalam sistem e-SMP (My Konvokesyen) sebagai bukti bayaran (8 digit. Cth: 4HTY245W). |

PERINGATAN: Cara bayaran selain dari diatas adalah TIDAK DIBENARKAN dan dianggap tiada bayaran telah dibuat. Pengesahan bayaran hanya boleh dilakukan dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh bayaran dibuat setelah mendapatpengesahan dari pihak bank.

Graduan yang tidak dapat menghadiri Majlis Konvokesyen boleh menjelaskan bayaran pada bila-bila masa menggunakan kaedah di atas. Skrol/Transkrip Graduan hanya akan dikeluarkan selepas tarikh konvokesyen dan setelah segala yuran tertunggak dijelaskan (yuran graduan, yuran pengajian, denda, Perpustakaan & saman lalu lintas dll) jika ada

## 5. Pinjaman dan Pemulangan Jubah Akademik

### 5.1 Proses Pinjaman

Graduan hendaklah**:**

a) **menjelaskan yuran graduan** berdasarkan kaedah pembayaran yang dihuraikan seperti di **item 4.2** di atas;

b) **melengkapkan borang pinjaman jubah akademik** secara 'online' melalui portal pelajar di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di menu 'Mykonvokesyen' (borang jubah akademik);

c) sila menggunakan **nombor K.P./pasport dan kad matrik** bagi **katalaluan dan id** di menu 'Mykonvokesyen' borang jubah akademik (untuk graduan siswazah sahaja);

**PERHATIAN: Sila menggunakan browser IE atau Mozilla Firefox sahaja. Sistem tidak akan dapat diakses melalui Google Chrome**

d) cetak dan bawa borang pinjaman jubah akademik dalam talian yang telah dilengkapkan dan **diberikan status 'BERJAYA' dalam 'semak permohonan'** pada borang jubah akademik di bawah menu Mykonvokesyen SMP semasa mengambil jubah akademik di Kompleks Akademik Pusat, UPM pada tarikh yang telah ditetapkan.

e) **lengkapkan **borang mewakilkan pengambilan jubah akademik** dan **bawa bersama borang permohonan dalam talian yang telah dicetak** semasa pengambilan jubah sekiranya jubah akademik diambil oleh wakil. (seorang wakil hanya boleh mengambil untuk dua (2) graduan sahaja)**

f) Untuk sebarang masalah teknikal/pertanyaan hubungi:

- Mengenai Sistem MyKonvokesyen (e-SMP)
  03- 97696026/1464/ 6147
  Emel: akad@upm.edu.my

- Pembayaran yuran
  Siswazah
  03-97694156/4161
  Emel: bursar.student_pg@upm.edu.my

  Prasiswazah
  03-97696215/6225/6240

### 5.2

Graduan hendaklah memastikan Jubah Akademik UPM yang dipinjam dalam keadaan baik, lengkap dan mengikut warna yang ditetapkan:

| Ijazah Bacelor | Diploma |
|---|---|
| • Jubah (warna maroon)<br>• Hood (mengikut warna rasmi fakulti)<br>• Mortar Board | Jubah (warna maroon)<br>Mortar Board |

5.3 Graduan **tidak dibenarkan mengubah suai** mana-mana bahagian jubah akademik yang dipinjam;

5.4 **Urusan pinjaman jubah akademik** dilaksanakan di Kompleks Akademik Pusat (DKAP) UPM sebagaimana berikut :-

| **Tarikh** | **Masa** |
|---|---|
| 11 hingga 31 Disember 2021<br>(Sabtu – Jumaat) | 9.00 pagi hingga 5.00 petang<br>(mengikut temujanji/slot - tarikh dan masa yang telah dipilih) |

## 6. Pemulangan Jubah Akademik

Semua graduan perlu memulangkan jubah akademik seperti berikut :

| Tarikh | Waktu Pemulangan | Waktu Rehat | Waktu Pemulangan | Tempat |
|---|---|---|---|---|
| 8 Januari 2022 (Sabtu) | | | 12.30 Tengahari – **6.30 Petang** | **Kompleks Akademik Pusat Zon C**<br><br>(di hadapan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat) |
| 9 -13 Januari 2022 (Ahad-Khamis) | 08.30 Pagi - 01.00 Tengahari | 01.00 Tengahari - 2.00 Petang | 2.00 - **6.30 Petang** | |
| 14 Januari 2022 (Jumaat) | 8.30 Pagi - 12.15 tengahari | 12.15 Tengahari - 2.45 Petang | 2.45 - **6.30 Petang** | |
| 15-16 Januari 2022 (Sabtu-Ahad) | 8.30 Pagi - 1.00 Petang | 1.00 - 2.00 Petang | 2.00 - **6.30 Petang** | |
| 17-20 Januari 2022 (Isnin-Khamis) | 8.30 Pagi- 1.00 Petang | 1.00 - 2.00 Petang | 2.00 - **6.30 Petang** | |

**<u>Perhatian</u>**

Mulai 24 Januari 2022 denda akan dikenakan kepada graduan yang lewat memulangkan jubah akademik. Tindakan tegas akan dikenakan kepada graduan yang gagal memulangkan jubah akademik pada waktu yang ditetapkan

- **hari pertama RM10.00,** seterusnya ditambah **RM5.00 setiap hari berikutnya;**

- bayaran denda bermula pada **24 Januari 2022** dan seterusnya hendaklah dibuat di **Kaunter Bursar 3, Tingkat Bawah, Bangunan Canselori Putra;** dahulu dikenali sebagai **Bangunan Pentadbiran, UPM** dan resit bayaran hendaklah dikemukakan semasa memulangkan jubah akademik;

- wakil yang memulangkan jubah akademik hendaklah memastikan telah mendapatkan **pengesahan pemulangan** sebelum meninggalkan kaunter.

6.1 Graduan hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan atau kehilangan jubah akademik.

6.2 Sekiranya jubah akademik tersebut **rosak** atau **hilang**, bayaran akan dikenakan dan sijil akademik/transkrip tidak akan dikeluarkan sehingga bayaran tersebut dijelaskan seperti berikut:

| Program | Bayaran (RM) | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | Jubah | *Hood* | *Mortar Board* | *Bonnet* | |
| Ijazah Bacelor | 280.00 | 35.00 | 50.00 | - | 365.00 |
| Diploma | 150.00 | - | 50.00 | - | 200.00 |
| Master | 400.00 | 35.00 | 50.00 | - | 485.00 |
| PhD | 750.00 | 35.00 | - | 75.00 | 860.00 |

## 7. Etika Pakaian

7.1 Graduan adalah **DIWAJIBKAN** mematuhi etika berpakaian semasa menghadiri Majlis Konvokesyen – **Lampiran 2 (A, B & C)**

**Wanita:**

a) Baju kurung moden/tradisional/pakaian kebangsaan/*Pantsuit* **atau** skirt labuh hingga buku lali dan blaus lengan panjang menutupi dada dan seterusnya memakai jubah akademik;

b) Warna pakaian adalah bebas;

c) Bagi yang memakai tudung, dicadangkan agar menggunakan tudung warna cerah supaya mudah disesuaikan dengan warna *hood* fakulti masing-masing;

d) Sekiranya ingin menggunakan sarung tangan, sarung tangan hendaklah dipakai pada kedua-dua belah tangan (bagi graduan wanita beragama Islam); dan

e) Kasut berwarna hitam dan bertutup pada bahagian hadapan dan belakang.

**TIDAK DEBENARKAN**
**Memakai skirt pendek dan kasut sukan/sandal/terbuka di belakang/ berwarna cerah atau putih.**

**Lelaki:**

a) Kemeja lengan panjang berkolar, berseluar *slack* berwarna gelap, bertali leher dan memakai kot, atau lengkap memakai *Lounge Suit* berwarna gelap, berstoking dan berkasut **hitam** dan seterusnya memakai jubah akademik; dan

b) Potongan rambut hendaklah pendek dan kemas

**TIDAK DEBENARKAN**
**Memakai seluar jeans/seluar pendek/kasut sukan/sandal/kasut /terbuka di belakang/ berwarna cerah atau putih.**

7.2 Majlis Konvokesyen ini adalah satu upacara rasmi Universiti. Graduan diingatkan supaya mematuhi peraturan pakaian seperti dinyatakan di atas.

**Graduan yang TIDAK MEMATUHI peraturan pakaian TIDAK AKAN DIBENARKAN masuk, berarak atau naik ke pentas untuk upacara pengurniaan Ijazah Lanjutan, Ijazah Bacelor dan Diploma.**

**Video tatacara pemakaian jubah akan dimuatnaik di laman web www.akademik.upm.edu.my (portal) mulai 28 Disember 2021.**

## 8. Kad Jemputan

8.1 Kad jemputan elektoknik (e-kad) dan arahan lain akan diberi kepada graduan/wakil graduan melalui **TELEGRAM RASMI UPM KONVO KE-44.**

TELEGRAM RASMI: **https://bit.ly/UPMKONVO44**

8.2 Setiap graduan akan diberikan **satu (1) kad jemputan** dan **hanya graduan sahaja dijemput ke Majlis Konvokesyen UPM Ke-44** dengan mematuhi SOP dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

## 9. Taklimat Konvokesyen

Semua graduan **DIWAJIBKAN** untuk menyertai sesi taklimat menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-44 bagi memastikan pematuhan tatacara Majlis Konvokesyen UPM Ke-44 mengikut norma baharu.

Taklimat tersebut akan diadakan pada **28 Disember 2021** melalui platform yang akan dimaklumkan melalui **telegram rasmi** (https://bit.ly/UPMKONVO44).

## 10. Parkir Kenderaan

Semua graduan yang hadir atau ibu bapa/penjaga yang menurunkan graduan hendaklah terus ke **parkir Padang Kawad**. Graduan kemudiannya hendaklah bergerak dengan berjalan kaki ke Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Dewan Besar).

Laluan lalu lintas adalah seperti di **Lampiran 3.**

## 11. Perarakan Graduan

11.1 **Sehari sebelum sesi** yang berkaitan dengan graduan, graduan hendaklah melengkapkan Google Form yang disediakan oleh pihak OSH melalui pautan https://bit.ly/BorangSaringanCovid19UPMKonvo44 di mana **graduan yang ingin hadir perlu melakukan ujian saringan kendiri Covid 19 (Saliva Test) dan memuat naik gambar dan keputusan (JPEG).**

Pada hari berkenaan (sesi konvokesyen), graduan perlu memastikan Aplikasi

MySejahtera (Profil) dikemaskini dan dipamerkan pada petugas. Seterusnya graduan perlu melalui proses saringan suhu.

11.2 Graduan hendaklah **berkumpul di tempat letak kereta Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Dewan Besar UPM) pada sesi yang telah ditentukan mulai jam 7.00 pagi hingga 7.30 pagi – Lampiran 4**

Bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas, graduan diminta mematuhi arahan yang diberikan oleh pegawai bertugas dan berkumpul pada masa dan tempat yang telah ditetapkan.

11.3 Elakkan membawa beg tangan atau barang berharga ketika berkumpul atau semasa sesi perarakan graduan.

11.4 **Graduan yang lewat <u>TIDAK DIBENARKAN MASUK</u> bagi menyertai Majlis Konvokesyen (perlu berkumpul selewat-lewatnya jam 7.15 pagi)**

11.5 **Graduan kelainan upaya (OKU)/mempunyai masalah** lain yang memerlukan bantuan peralatan seperti kerusi roda atau pembantu diminta memaklumkan **lebih awal sebelum sesi konvokesyen** kepada :

- Urusetia Konvokesyen : 03-97696026/6141/6060/1464/3258
- UPMET: 03-89593408/3404
- Putra Business School: 017-2543607/016-2458700

## 12. Susun Atur Dalam Dewan

Semua graduan hendaklah mematuhi SOP semasa berada di dalam dewan seperti mana tayangan video semasa taklimat.

## 13. Selepas Majlis Konvokesyen: Pengambilan Sijil Akademik dan Transkrip Ijazah Lanjutan, Bacelor dan Diploma

13.1 Sijil akademik/transkrip graduan boleh diambil **sebaik sahaja pemulangan Jubah Akademik** dibuat mengikut program pengajian seperti berikut:

| **Program** | **Tempat** |
|---|---|
| Ijazah Lanjutan (PhD dan Master) | Kaunter Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) |
| Bacelor dan Diploma Sepenuh Masa | Kaunter Dewan Kuliah Akademik Pusat, Zon C |
| Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) | Kaunter UPM Education & Training Sdn. Bhd |
| Program Eksekutif | Unit Program Eksekutif Sekolah/ Fakulti |
| Ijazah Lanjutan<br>(No Matrik GM dan PBS) | Bangunan Putra Business School |

13.2 Graduan boleh mewakilkan individu lain untuk mengambil sijil akademik/transkrip dengan mengemukakan surat akuan kepada Ketua Bahagian Urus Tadbir Akademik dengan nama, nombor kad pengenalan dan lampiran salinan kad pengenalan wakil.

## 14. Gambar Rasmi Graduan Majlis Konvokesyen

14.1 Urusan gambar graduan akan diuruskan oleh jurugambar rasmi di bawah pengurusan UPM Holdings Sdn. Bhd. Graduan **tidak dibenarkan** sama sekali untuk mengambil gambar atau mendapat khidmat daripada pihak luar untuk mengambil gambar di dalam dewan ketika sesi konvokesyen berlangsung.

14.2 Gambar graduan boleh dituntut sehari selepas sesi konvokesyen berlangsung dengan membawa bersama slip nombor gambar pentas yang diberikan ke :

KMR OnePUTRA Residence
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor
atau hubungi:
email : upmcs@upmholdings.com.my

Khidmat Pelanggan 1 : 03-89593404 (En. Rahim)
Khidmat Pelanggan 2 : 011-18842485 (Cik Yus)
Waze : KMR OnePUTRA Residence

## 15. Lain-lain Maklumat:

15.1 **Tarikh-tarikh penting Majlis Konvokesyen Ke-44 UPM** - **Lampiran 5.**

15.2 **Senarai Semak Graduan Majlis Konvokesyen ke-44** - **Lampiran 6.**

15.3 **Buku Konvokesyen UPM** disediakan dalam bentuk digital (e-Buku) dan boleh diakses melalui http://konvo.upm.edu.my/ mulai **8 Januari 2022** atau melalui imbas kod QR yang akan diberikan kemudian – rujuk telegram rasmi**.**

15.4 **Arahan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi Graduan Pendidikan**

Mesyuarat Penyelarasan Integrasi Sistem Pengambilan dan Penempatan Graduan Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 19 Ogos 2014, menghendaki semua graduan Pendidikan mendaftar di JobsMalaysia melalui url *www.jobsmalaysia.gov.my* bagi penempatan graduan pendidikan oleh pihak KPM.

**Kerjasama para graduan mematuhi atur cara dan maklumat konvokesyen ini adalah amat diharapkan bagi memastikan Majlis Konvokesyen UPM ke-44 berjalan lancar.**

**Graduan boleh menghubungi nombor berikut untuk sebrang pertanyaan dan maklumat lanjut:**

- **Prasiswazah:**
  **Bahagian Urus Tadbir Akademik:**
  **03-97696026/03-97691464/03-97696060/97693258;**

- **Siswazah:**
  **Sekolah Pengajian Siswazah:**
  **(03-97694211/4220/4162/4153/4245 – Encik Muhammad Akees/ Encik Mohamad Hafiz/ Pn. Hasnor/Pn. Siti Noor Alia/En. Arif)**

- **Pengajian Jarak Jauh (PJJ):**
  **(03-89593408/3404 – Cik Farah (Pra-Siswazah) Pn. Syafiqah (Siswazah)**

- **Putra Business School (PBS)**
  **017-2543607/016-2458700 (Pn. Norhayati/Puan Norizan)**

- **URUS SETIA**
  **MAJLIS KONVOKESYEN**
  **Bahagian Urus Tadbir Akademik,**
  **Bangunan Canselori Putra**
  **Universiti Putra Malaysia, UPM Serdang, Selangor**
  **03-97696060/1464/6026 (Pn. Aida/Pn. Junaidah/Cik Siti Hajar/Pn Hanita)**

***Notis Majlis Konvokesyen ke-44 UPM boleh dicapai dalam Versi Bahasa Inggeris di www.akademik.upm.edu.my***

**BAHAGIAN KEMASUKAN DAN BAHAGIAN URUS TADBIR AKADEMIK UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**LAMPIRAN 1**

| Sesi 1 (Sabtu - Pagi)<br>8 Januari 2022 | Sesi 2 (Ahad- Pagi)<br>9 Januari 2022 |
|---|---|
| **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah (A-C) - SPS<br>Doktor Kejuruteraan<br>Master Keusahawanan<br>Master Perubatan (Perubatan Dalaman)<br>Master Surgeri (Ortopedik)<br>Master Kejuruteraan Sistem Pembuatan<br>Master Pendidikan<br>Master Sains (FPSK, FBMK)<br>Master Bahasa Melayu<br>Master Komunikasi Korporat<br>Doktor Perubatan Veterinar<br>Bacelor Sains Pengurusan Perladangan<br>Bacelor Sains Teknologi Kayu<br>Bacelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani)<br>Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama)<br>Bacelor Kejuruteraan (Aeroangkasa)/ Bacelor Kejuruteraan Aeroangkasa dengan Kepujian<br>Bacelor Komunikasi<br>Bacelor Sains dan Teknologi Makanan<br>Bacelor Sains (Pembangunan Manusia)/ Bacelor Sains Pembangunan Manusia<br>Diploma Perikanan - UPMKB | **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah(D-L) - SPS<br>Master Teknologi Makanan<br>Master Kejuruteraan Perisian<br>Master Kesusasteraan Dunia<br>Master Sains (FK, FSKTM, SPE, IKDPM)<br>Master Kejuruteraan Lebuhraya dan Pengangkutan<br>Master Sains Komputer<br>Bacelor Pertanian (Akuakultur)<br>Bacelor Sains Seni Bina<br>Bacelor Sains dan Teknologi Alam Sekitar<br>Doktor Perubatan<br>Bacelor Kejuruteraan (Mekanikal)/ Bacelor Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian<br>Bacelor Kejuruteraan (Sistem Komputer dan Komunikasi)/ Bacelor Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi dengan Kepujian<br>Bacelor Pendidikan (Pengajaran BI sbg Bahasa Kedua)<br>Bacelor Perakaunan<br>Bacelor Sastera (Kesusasteraan Inggeris)<br>Bacelor Sastera (Bahasa & Linguistik Melayu)<br>Bacelor Sains Komputer (Multimedia)<br>Bacelor Sains Biologi Dengan Kepujian<br>Bacelor Sains (Kepujian) Mikrobiologi<br>Diploma Perhutanan - UPMKB |
| **Sesi 3 (Isnin- Pagi)<br>10 Januari 2022** | **Sesi 4 (Selasa - Pagi)<br>11 Januari 2022** |
| **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah (M-N) - SPS<br>Master Kesihatan Awam<br>Master Sains Veterinar<br>Master Penderiaan Jauh dan GIS<br>Master Pengurusan Kejuruteraan<br>Master Perancangan dan Respon Kecemasan<br>Master Pengurusan Teknologi Alam Sekitar<br>Master Kejuruteraan Komunikasi<br>Master Sains (FP, FHAS, IPSAS, FKPS)<br>Bacelor Sains Perniagaantani<br>Bacelor Sains Perhutanan<br>Bacelor Kejururawatan<br>Bacelor Sains (Pemakanan dan Kesihatan Komuniti)<br>Bacelor Kejuruteraan (Proses dan Makanan)/ Bacelor Kejuruteraan Proses dan Makanan dengan Kepujian<br>Bacelor Senibina Landskap<br>Bacelor Pengajian Pengguna<br>Bacelor Sastera (Bahasa Asing)<br>Bacelor Sains Komputer (Rangkaian Komputer)<br>Bacelor Pentadbiran Perniagaan | **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah (O-S) - SPS<br>Doktor Kesihatan Awam<br>Master Perubatan (Perubatan Keluarga)<br>Master Sastera<br>Master Kejuruteraan Air<br>Master Kejuruteraan Struktur dan Pembinaan<br>Master Sains (FS, FPP, FRSB, INSPEM)<br>Master Pengurusan Sumber Tanah<br>Master Pengurusan Perladangan<br>Master Statistik Gunaan<br>Master Pendidikan - PJJ<br>Bacelor Pertanian (Sains Ternakan)<br>Bacelor Muzik (Persembahan Muzik)<br>Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia)<br>Bacelor Kejuruteraan (Pertanian dan Biosistem)/ Bacelor Kejuruteraan Pertanian dan Biosistem dengan Kepujian<br>Bacelor Sains (Dietetik)<br>Bacelor Sains Statistik dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Matematik dengan Kepujian<br>Bacelor Sains dengan Pendidikan (Kepujian) – Kimia |
| **Sesi 3 (Isnin- Pagi)<br>10 Januari 2022** | **Sesi 4 (Selasa - Pagi)<br>11 Januari 2022** |
| Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)<br>Bacelor Sains Dalam Sains Bahan dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Dalam Sains Instrumentasi dengan Kepujian<br>Diploma Perniagaantani - UPMKB | Bacelor Sains dengan Pendidikan (Kepujian) – Biologi<br>Bacelor Sastera (Bahasa Inggeris)<br>Bacelor Sastera Bahasa Inggeris - PJJ<br>Bacelor Sains (Pengajian Makanan)<br>Bacelor Kejuruteraan Perisian/ Bacelor Sains Komputer -Kejuruteraan Perisian<br>Bacelor Pengurusan Alam Sekitar<br>Bacelor Sains (Kepujian) Biokimia<br>Diploma Pertanian - UPMKB |

| **Sesi 5 (Rabu – Pagi)**<br>**12 Januari 2022** | **Sesi 6 (Khamis - Pagi)**<br>**13 Januari 2022** |
|---|---|
| **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah (T-Z) - SPS<br>Doktor Falsafah - SPSP<br>Master Senibina Landskap<br>Master Kejuruteraan Alam Sekitar<br>Master Ekonomi<br>Master Alam Sekitar<br>Master Senibina<br>Master Keselamatan Maklumat<br>Master Sains (FBSB, FEM, FSPH, FEP, ITMA, IPPH)<br>Master Pembangunan Sumber Manusia - PJJ<br>Master Komunikasi Korporat - PJJ<br>Bacelor Sains Pertanian<br>Bacelor Sains Pertanian - PJJ<br>Bacelor Sains (Kesihatan Persekitaran & Pekerjaan)<br>Bacelor Sains (Pembangunan Manusia dan Teknologi Maklumat)/ Bacelor Sains Pembangunan Manusia dengan Teknologi Maklumat<br>Bacelor Sains (Kepujian) Bioteknologi<br>Bacelor Ekonomi<br>Bacelor Kejuruteraan (Awam)/ Bacelor Kejuruteraan Awam dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Fizik dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Kimia dengan Kepujian/ Bacelor Sains (Kepujian) – Kimia<br>Bacelor Sains (Pengurusan Perkhidmatan Makanan)<br>Bacelor Reka Bentuk (Reka Bentuk Perindustrian)<br>Bacelor Sastera (Bahasa & Linguistik Melayu) - PJJ<br>Bacelor Sains Bioindustri<br>Diploma Pengurusan Perladangan Makanan - UPMKB | **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah - PBS<br>Master Pentadbiran Perniagaan - PBS<br>Master Sains - PBS<br>Master Sains (FSTM, FPV, IBS, ITAFoS, IPPM, INTROP)<br>Master Inovasi dan Rekabentuk Kejuruteraan<br>Master Keselamatan dan Pemastian Kualiti Makanan<br>Master Pembangunan Sumber Manusia<br>Master Linguistik Terapan<br>Master Keselamatan Proses dan Pencegahan Kehilangan<br>Master Bahasa Melayu - PJJ<br>Bacelor Sains Hortikultur<br>Bacelor Sains (Kepujian) (Biologi Sel dan Molekul)<br>Bacelor Sains Taman dan Rekreasi<br>Bacelor Sains (Sains Bioperubatan)<br>Bacelor Kejuruteraan (Elektrik dan Elektronik)/ Bacelor Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dengan Kepujian<br>Bacelor Kejuruteraan (Kimia)/ Bacelor Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian<br>Bacelor Pendidikan (Sains Rumahtangga)<br>Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia) - PJJ<br>Bacelor Sains Kimia Perindustrian dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Kimia Petroleum dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Komputer (Sistem Komputer)<br>Bacelor Sastera (Kesusasteraan Melayu)<br>Bacelor Komunikasi - UPEFBMK<br>Bacelor Komunikasi - PJJ<br>Bacelor Perakaunan - UPEFEP<br>Bacelor Pentadbiran Perniagaan - UPEFEP<br>Bacelor Sains (Pembangunan Manusia dan Pengurusan)/ Bacelor Sains Pembangunan Manusia dengan Pengurusan<br>Bacelor Sains (Pembangunan Manusia) - PJJ<br>Diploma Pembangunan Manusia - PJJ<br>Diploma Pengurusan Perniagaan- Kolej Widad - IPTS<br>Diploma Pembangunan Manusia - Kolej Teknologi Timur - IPTS<br>Diploma Sains Komputer - Kolej Teknologi Timur -,IPTS<br>Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan - UPMKB<br>Diploma Kejuruteraan Pertanian - UPMKB |

## Singkatan:

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **SPS** | : | Sekolah Pengajian Siswazah | **PBS** | : | Putra Business School |
| **SPE** | : | Sekolah Perniagaan Ekonomi | **FBSB** | : | Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| **FS** | : | Fakulti Sains | **UPESPE** | : | Unit Program Eksekutif, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi |
| **SPSP** | : | Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan | **UPEFBMK** | : | Unit Program Eksekutif,<br>Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi |
| **PJJ** | : | Pengajian Jarak Jauh | **FKPS** | : | Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains (UPMKB) |
| **UPMKB** | : | UPM Kampus Bintulu | **FSPP** | : | Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan (UPMKB) |

# ETIKA PEMAKAIAN GRADUAN

## ETIKA PEMAKAIAN YANG DICADANGKAN SEBELUM MENGENAKAN JUBAH AKADEMIK

### GRADUAN WANITA








## ETIKA PEMAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN






**LAMPIRAN 2B**

## ETIKA PEMAKAIAN YANG DICADANGKAN SEBELUM MENGENAKAN JUBAH AKADEMIK

**GRADUAN LELAKI**







**POTONGAN RAMBUT** **KASUT**

## ETIKA PEMAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN





**LAMPIRAN 2C**

## CONTOH PAKAIAN DAN CARA BERPAKAIAN

### GRADUAN WANITA        GRADUAN LELAKI



# CONTOH PAKAIAN DAN CARA BERPAKAIAN



LAMPIRAN 3

# LALUAN LALU LINTAS KE PARKIR PADANG KAWAD




| | |
|---|---|
| (anak panah biru) | Laluan Masuk |
| (anak panah merah) | Laluan Keluar |

**LAMPIRAN 4**

# TEMPAT GRADUAN BERKUMPUL

**PELAN LANTAI DEWAN BESAR**
**PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**



**LAMPIRAN 5**

**TARIKH-TARIKH PENTING PELAKSANAAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-44 TAHUN 2022**

| BIL | TARIKH | PERKARA/ AKTIVITI |
|---|---|---|
| 1. | **11 hingga 31 Disember 2021**<br>(Sabtu hingga Jumaat) | **Pengambilan jubah akademik** di Kompleks Akademik Pusat (KAP) mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang |
| 2. | **28 Disember 2021** (Selasa) | **Taklimat Tatacara Menghadiri Majlis Konvokesyen ke-44**<br><br>Maklumat lanjut mengenai masa dan plaftorm dalam talian boleh diperolehi melalui telegram rasmi Majlis Konvokesyen ke-44 |
| 3. | **8 hingga 13 Januari 2022**<br>(Sabtu hingga Khamis) | Majlis Konvokesyen UPM ke-44 Tahun 2022 dan Majlis Konvokesyen UPM-IPTS ke-22<br>**Rujuk Lampiran 1**<br><br>Sesi Pagi:<br>8.00 pagi hingga 12.00 tengahari |
| 4. | **8 hingga 16 Januari 2022** | **Tarikh Pemulangan Jubah Akademik**<br><br>8 Januari 2022:<br>Mulai jam 12:30 tengahari<br><br>9 – 13 Januari 2022 (Isnin – Khamis):<br>8.30 pagi hingga 1:00 petang<br>2:00 petang hingga 6.30 petang<br><br>14 Januari 2022 (Jumaat)<br>8.30 pagi hingga 12:15tghari<br>2:45 petang hingga 6.30 petang<br><br>15 – 16 Januari 2022 (Sabtu dan Ahad):<br>8.30 pagi hingga 1:00 petang<br>2:00 petang hingga 6.30 petang<br><br>17 – 20 Januari 2022 (Isnin – Khamis):<br>8.30 pagi hingga 1:00 petang<br>2:00 petang hingga 6.30 petang<br><br>Nota:<br>• Rehat pada jam 1.00 hingga 2.00 petang<br>• Denda lewat pemulangan jubah akademik bermula pada 24 Januari 2022 |

## SENARAI SEMAK GRADUAN
## MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-44 TAHUN 2022

| | | |
|---|---|---|
| 1. | ( ) | Terima, baca dan memahami **Keterangan Mengenai Majlis Konvokesyen Ke-44 Tahun 2022**<br>Sertai **Telegram Rasmi untuk info terkini** mengenai Majlis Konvokesyen ke-44 - https://bit.ly/UPMKONVO44 |
| 2. | ( ) | **Menyemak bayaran yuran/denda yang masih tertunggak** dan menjelaskan selewat -lewatnya dua (2) hari sebelum mengambil jubah akademik. |
| 3. | ( ) | **Membuat bayaran yuran graduan** mengikut cara bayaran yang diterangkan sebelum mengambil jubah akademik |
| 4. | ( ) | **Melengkapkan borang pinjaman jubah akademik** secara 'online' melalui portal pelajar di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di menu 'Mykonvokesyen' (borang jubah akademik) dan **mencetak borang yang telah diisi** |
| 5. | ( ) | **Mengemukakan pengesahan bayaran** bila graduan/wakil meminjam pakaian akademik di Dewan Kuliah Akademik Pusat seperti dijadualkan |
| 6. | ( ) | **Menghadiri Sesi Taklimat Tatacara Menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-44 pada 28 Disember 2021** |
| 7. | ( ) | **Melengkapkan borang *Google Form*** yang disediakan oleh OSH sehari sebelum sesi majlis konvokesyen graduan – UJIAN KENDIRI (SALIVA TEST)<br>**https://bit.ly/BorangSaringanCovid19UPMKonvo44** |
| 8. | ( ) | **Memastikan PROFILE Aplikasi MySejahtera dikemaskini** pada hari/sesi majlis konvokesyen. |
| 9. | ( ) | Menghadiri majlis konvokesyen bersama **jubah akademik, pelitup muka yang disediakan dan kad nama** (selewat-lewatnya jam 7:15 pagi) |
| 10. | ( ) | **Pemulangan Jubah akademik -** Rujuk Lampiran 5 (Item no 4) untuk Jadual Waktu Urusan Pemulangan Jubah. Denda lewat pemulangan jubah akademik akan dikenakan mulai tarikh 24 Januari 2022 (Isnin) mengikut kadar yang ditetapkan |
| 11. | ( ) | **Terima pengesahan jubah akademik** yang dipinjam telah dipulangkan; dan |
| 12. | ( ) | **Membawa borang pemulangan jubah akademik semasa mengambil sijil akademik dan transkrip.** |

**Lampiran 1** **SUSUNAN GRADUAN MENGIKUT PROGRAM DAN SESI**
**Lampiran 2A** **ETIKA PAKAIAN (WANITA)**
**Lampiran 2B** **ETIKA PAKAIAN (LELAKI)**
**Lampiran 2C** **GRADUAN BERJUBAH AKADEMIK**
**Lampiran 3** **PETA LALU LINTAS DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN IBU BAPA**
**Lampiran 4** **TEMPAT BERKUMPUL LUAR DEWAN**
**Lampiran 5** **TARIKH-TARIKH PENTING**
**Lampiran 6** **SENARAI SEMAK GRADUAN**